



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KERJASAMA KPWKM, I-CITY MANFAAT RM8.4 JUTA PUPUK SEMANGAT KEKELUARGAAN MELALUI AKTIVITI KELUARGA

29 November, Shah Alam - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui kerjasama awam-swasta program ESG i-City, 'One Shah Alam, One Destination' telah memberikan manfaat RM8.4 juta dalam bentuk tawaran diskaun harga rendah pakej aktiviti keluarga semasa cuti sekolah sebagai usaha memupuk semangat kekeluargaan dalam masyarakat.

Tawaran diskaun harga rendah pakej aktiviti keluarga ini akan memanfaatkan 100,000 keluarga MADANI di Malaysia dan memberi peluang untuk mereka memupuk ikatan keluarga yang lebih erat dengan menyertai aktiviti-aktiviti kekeluargaan yang ditawarkan di i-City termasuk di Immersive Winterland yang dilancarkan hari ini pada kadar subsidi bermula dari RM120 antara 1 Disember tahun ini hingga 31 Mac tahun depan. Tiket dengan tawaran diskaun harga rendah ini boleh didapati di <https://iticket.i-city.my>.

Terdahulu, YB Nancy dalam ucapannya menyatakan bahawa proses mendidik anak-anak dalam era perkembangan teknologi yang pesat ini adalah sangat mencabar. Justeru, ibu bapa harus lebih peka dan cakna dengan memastikan pendekatan mendidik anak seiring dengan perkembangan zamannya. Inisiatif i-City melancarkan Immersive Winterland adalah seiring dengan *trend* semasa yang memanfaatkan teknologi dalam permainan dan pendidikan kanak-kanak yang boleh dilakukan bersama-sama keluarga bagi merapatkan hubungan kekeluargaan.

Seiring dengan perkembangan juga, KPWKM melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sentiasa melaksanakan program-program untuk memperkukuhkan lagi institusi keluarga antaranya Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap keperluan pengawalan dan pemantauan pendedahan internet kepada anak-anak.

KPWKM mengucapkan terima kasih kepada i-City atas inisiatif ini dan mengalu-alukan mana-mana syarikat korporat yang berhasrat menjalankan kerjasama strategik bagi melaksanakan program pembangunan kanak-kanak dan keluarga bagi membantu kerajaan memupuk semangat kekeluargaan dalam masyarakat.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
29 NOVEMBER 2023**